

14 APR 2002

Mahathir-MCA/I

TIADA LAGI KENYATAAN MENGENAI MCA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata yang tiada sesiapa pun termasuk beliau, boleh membuat apa-apa lagi kenyataan mengenai isu krisis kepimpinan MCA.

Beliau berkata ini dipersetujui oleh beliau, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalan presiden parti itu Datuk Lim Ah Lek.

"Tidak akan ada lagi kenyataan mengenai MCA kepada sesiapa, termasuk daripada saya," kata beliau kepada pemberita di Glenmarie Golf and Country Club di Subang, dekat sini.

Beliau ditemui oleh pemberita selepas Pertandingan Kebajikan Golf 2002 yang diadakan untuk mengisi tabung khidmat kebajikan dan pendidikan Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu dan Yayasan Bestari Kuala Langat.

Ditanya oleh pemberita berapa lama sekatan itu akan berkuatkuasa, Dr Mahathir berkata, "tidak tahu lagi".

Dr Mahathir berdiam walaupun pelbagai pertanyaan pemberita meminta ulasan beliau mengenai isu-isu berkaitan MCA.

Beliau juga enggan mengulas laporan sebuah akhbar Cina di muka depannya yang memetik sumber-sumber sebagai berkata yang Perdana Menteri telah meminta Lim untuk membatalkan mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang dijadualkan pada 21 April.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada kata sepakat berjaya dicapai oleh pemimpin-pemimpin MCA untuk tidak bergelut bagi jawatan tertinggi parti dan sama ada beliau akan bertemu dengan Lim, selepas bertemu dengan Dr Ling semalam.

Bagi semua soalan ini, Dr Mahathir, dengan tangannya menutup mulut berkata: "Saya berjanji untuk berdiam diri dan menyimpan rahsia".

Dr Ling semalam bertemu dengan Perdana Menteri berhubung masalah dalaman parti yang mengancam untuk memecahbelahkan parti komponen kedua terbesar itu dalam Barisan Nasional (BN).

Semasa dihubungi selepas mesyuarat itu, Dr Ling menyifatkan pertemuan selama sejam itu di pejabat Perdana Menteri di Putra Jaya semalam sebagai positif.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN pada Jumaat lepas berkata yang beliau akan bertemu pemimpin-pemimpin MCA untuk membantu mengatasi perbezaan pendapat antara dua puak bertelagah dalam parti itu, yang dikenali sebagai Team A dan Team B, yang masing-masing diketuai oleh Dr Ling dan timbalannya, Lim.

Dr Mahathir juga telah berkata beliau percaya yang Dr Ling dan Lim boleh menyelesaikan masalah mereka di meja rundingan.

Dr Ling, apabila ditanya sama ada Perdana Menteri ada menghulurkan apa-apa jalan penyelesaian bagi kemelut dalam parti itu, beliau berkata Dr Mahathir telah memintanya supaya berusaha ke arah agenda kestabilan dalam parti.

Puak yang diketuai oleh Lim telah mengancam untuk meneruskan dengan mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang dijadualkan pada 21 April, walaupun permintaan bagi EGM itu untuk menyelesaikan isu anggota hantu dalam senarai perwakilan semasa pemilihan parti telah ditolak oleh Setiausaha Agung parti Datuk Dr Ting Chew Peh.

Mereka juga mahukan pemilihan parti ditunda sehingga senarai keanggotaan itu dibersihkan dan disahkan.

Pada Khamis lepas Lim telah berkata yang beliau dan Dr Ling sebenarnya telah lama bertentangan pendapat dan hanya berpura-pura menunjukkan

perpaduan antara mereka di khalayak umum.

-- BERNAMA

HK AT MFJ PR